

**HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Skim Pembiayaan Kontrak-i Tijari. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat pembiayaan dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian. Sila rujuk pihak Bank Rakyat jika anda tidak memahami sebarang perkara berkaitan dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan.

**BANK RAKYAT**
**PEMBIAYAAN KONTRAK-i TIJARI**

Tarikh: \_\_\_\_\_

**1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?**

- Produk ini menawarkan kemudahan bagi membiayai kerja kontrak yang ditawarkan oleh kerajaan, badan berkanun kerajaan, syarikat swasta kerajaan dan syarikat awam yang disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia.
- Pembiayaan terbuka kepada Kontraktor Utama yang berdaftar dengan Puast Khidmat Kontraktor (JKR) / Mempunyai Lesen dari Kementerian Kewangan.
- Tempoh Pembiayaan: Minima: 12 bulan sehingga Maksima 2 tahun.
- Jumlah Pembiayaan: RM10,000 sehingga RM250,000

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

- Produk yang ditawarkan adalah berlandaskan prinsip Syariah Bai' 'Inah di mana Bank membeli komoditi daripada Bursa Suq Al-Sila' (BSAS), dan kemudiannya Bank menjual komoditi milik Bank kepada pelanggan pada harga jualan tangguh. Selepas sempurna jual beli komoditi, pelanggan akan menjual kembali komoditi tersebut kepada Bank secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada harga belian pelanggan.

**3. Apakah yang saya akan perolehi melalui produk ini?**

Jumlah Pembiayaan	RM	Margin Pembiayaan	%
Kadar Keuntungan		Tempoh Pembiayaan	tahun
Jumlah Harga Jualan	RM		

**4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?**

- Ansuran bulanan: Bayaran ansuran hanya pada jumlah keuntungan bulanan: \_\_\_\_\_
- Bayaran/Penjelasan Penuh Pembiayaan: Secara 'bullet' melalui pemberi inden setelah kontrak selesai.
- Jumlah keseluruhan pembiayaan adalah: \_\_\_\_\_
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan. Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran ini tidak akan memberikan sebarang kesan terhadap pengiraan keuntungan akaun pembiayaan anda.

**Nota:** Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat.

**5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?**

Duti Setem	<b>0.5%</b> dari jumlah pembiayaan seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).
------------	---

**6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?**

- Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*) ekoran bayaran lewat adalah seperti berikut :

Ketika tempoh pembiayaan :	1% setahun ke atas bayaran ansuran tertunggak.
Selepas tamat tempoh pembiayaan :	Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang antara Bank Islam ke atas baki tertunggak.

- Bank berhak menolak/mempelaras baki akaun pulangan (Akaun Simpanan-i / Pelaburan / Saham Keanggotaan) dengan Bank sebagai bayaran kepada jumlah tunggakan. Pihak Bank akan memaklumkan kepada pelanggan tujuh (7) hari sebelum pelaksanaan.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos akan ditanggung oleh pelanggan.

#### 7. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang?

- Pihak Bank perlu memberikana rebat (*ibra'*) ke atas keuntungan tertanggung / belum terakru.
- Jumlah penjelasan awal adalah tertakluk kepada formula di bawah:

**Jumlah Penjelasan Awal** = Baki Harga Jualan – *ibra'* + Caj Lewat bayar (jika ada)

Di mana;

***ibra'*** = Keuntungan tertanggung + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) – Caj lain (jika ada)

Nota: *ibra'* bermakna keuntungan tertanggung yang belum diambil kira sebagai keuntungan yang diperolehi. Perbezaan antara COF dan EPR hanya boleh dituntut apabila COF adalah lebih tinggi daripada EPR.

#### 8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Pelanggan dinasihati mengambil perlindungan Takaful Berkelompok daripada syarikat takaful yang dilantik oleh Bank. Walau bagaimanapun, anda adalah bebas untuk menggunakan mana-mana syarikat takaful di Malaysia dan anda perlu menguruskannya sendiri.

#### 9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- Pelanggan bertanggungjawab memastikan bayaran ansuran dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kerugian perniagaan atau sakit.

#### 10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Dokumen kontrak atau inden tidak boleh dijadikan sebagai cagaran/sekuriti pembiayaan.
- Berikut adalah syarat-syarat jaminan/cagaran yang ditetapkan bagi pembiayaan runcit atau pembiayaan korporat;

PEMBIAYAAN RUNCIT (Pembiayaan Kepada Individu)	
Jaminan	Cagaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diperlukan bagi pembiayaan melebihi RM100,000 hingga RM250,000.</li> <li>• Jika syarikat sdn. bhd, jaminan bersama dan berasingan oleh pengarah-pengarah syarikat.</li> <li>• Digugurkan bagi Koperasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada cagaran diperlukan</li> </ul>
PEMBIAYAAN KORPORAT (Pembiayaan Kepada Syarikat)	
Jaminan	Cagaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jaminan bersama dan berasingan oleh pengarah-pengarah syarikat.</li> <li>• Bagi koperasi, syarat jaminan digugurkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hartanah yang bebas daripada sekatan.</li> <li>• Sijil pelaburan, Mubeen dan sijil deposit tetap.</li> <li>• Saham-saham amanah (jika boleh diterima oleh pengurus dana tabung berkenaan untuk dijadikan cagaran).</li> <li>• Sijil saham yang tersenarai di Bursa Malaysia.</li> </ul>

#### 11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan maklumat?

- Pelanggan hendaklah menghubungi kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian **1-300-80-5454** ATAU kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskini maklumat peribadi.

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan apabila menghadapi masalah kewangan?**

- Sekiranya anda mengalami kesulitan kewangan, anda perlu segera menghubungi pihak Bank untuk membincangkan berkenaan penyelesaian pembayaran alternative di:
- Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (“AKPK”)**, telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Unit Perkhidmatan Pelanggan Bank Rakyat**  
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,  
No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral,  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-80-5454

**Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit**  
8th Floor, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26167766  
E-mel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

**13. Maklumat Tambahan - Pakej Pembiayaan lain yang ditawarkan?**

- Skim Pembiayaan Mikro-i: Modal Usahawan Kecil (MUsK)
- Skim Pembiayaan Mikro-i: Micro Entrepreneur Fund (MEF)
- Skim Pembiayaan Mikro-i: Mikro Tanpa Panel (MTP)
- Skim Pembiayaan Mikro-i: Mikro Individual (MIND)

**14. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)

**15. Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:**

**Pusat Panggilan di talian:**  
**1-300-80-5454**

- 7:30 pagi hingga 9:30 malam  
Talian dibuka untuk semua pertanyaan.
- 9:30 malam hingga 7:30 pagi  
Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad.

Atau; Talian Antarabangsa:

**+603 5526 9000**

Atau; Talian Faksimili:

**03-2264 7301**

Atau; Emel ke:

[telerakyat@bankrakyat.com.my](mailto:telerakyat@bankrakyat.com.my)

**16. Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:**

**Pusat Panggilan di talian:**  
**1-300-80-5454**

Atau menghantar aduan anda ke;

**Unit Biro Aduan Awam,  
Menara 1, Menara Kembar  
Bank Rakyat, No. 33, Jalan  
Rakyat, KL Sentral, 50470  
Kuala Lumpur**

Atau; Emel ke:

[aduan@bankrakyat.com.my](mailto:aduan@bankrakyat.com.my)

Atau; Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Block D, Bank Negara  
Malaysia, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur**

Tel: 1-300-88-5465

Fax: 03-21741515

Emel:

[bnmtelexlink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelexlink@bnm.gov.my)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MELUNASKAN ANSURAN PEMBIAYAAN ANDA**

- Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat pada 24 Disember 2012
- Helaian Pendedahan Produk ini mesti dibaca, difahami, diterima dan ditandatangani oleh pelanggan.
- Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian pendedahan ini sah pada atau sehingga \_\_\_\_\_.